

18 DEC 1998

ANUGERAH-PEMENANG/I

ANUGERAH KHAS BAGI JENAMA DAN REKA BENTUK MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Beberapa Anugerah Khas baru bagi Pembangunan Jenama Malaysia yang diperkenalkan pada Anugerah Kecemerlangan Perindustrian di sini hari ini dimenangi oleh jenama-jenama "Royal Selangor", "Artwright" dan "BOH".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan anugerah-anugerah itu kepada pemenang-pemenang iaitu Royal Selangor International Sdn Bhd, Artwright Holdings Bhd dan BOH Plantations Sdn Bhd.

Anugerah Khas bagi Kecemerlangan Rekabentuk baru itu dimenangi oleh SPM Syarikat Permainan Malaysia Sdn Bhd untuk keluaran Congkaknya.

Sementara itu, Anugerah Kecemerlangan Produk dimenangi oleh Computer Protocol (M) Sdn Bhd di bawah Kategori 1 untuk CpIP Voice (laluhan suara/faks) dan Standard Confectionery Sdn Bhd di bawah Kategori 11 untuk pizza bekunya bernama Silverbird Speedza.

SKB Shutters Manufacturing Sdn Bhd menang di bawah Kategori 111 untuk penutup roller telusnya (SKB Vision 7) dan Silverstone Bhd di bawah Kategori Terbuka untuk tayar radial ringannya bagi truk/pacuan empat roda (Silverstone MT117 EX).

Anugera Kecemerlangan Eksport (barangan) dimenangi oleh Profound Harmony Sdn Bhd di bawah Kategori 1 kerana produk benang jejarinya, Bristol Industry Sdn Bhd di bawah Kategori 11 kerana prabot pejabatnya, Kanzen Tetsu Sdn Bhd di bawah Kategori 111 untuk paip dan pemasangan keluli tanpa karatnya dan pembuat tekstil Hualon Corporation (M) Bhd di bawah Kategori Terbuka.

Green & Smart Sdn Bhd memenangi Anugera Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) untuk perkhidmatan rundingannya, penyelidikan dan lain-lain dalam rawatan air buangan.

Tiada pemenang Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti bagi sektor industri kecial tetapi pembuat kotak Master-Pack Sdn Bhd menang untuk industri sederhana Kategori 1.

Subang Jaya Medical Centre menang anugerah di bawah Kategori 11, Globetronics Technology Sdn Bhd di bawah Kategori 111 dan Siemens Components Sdn Bhd di bawah kategori terbuka.

Sejumlah 120 syarikat telah menyertai di dalam acara itu.

Kategori 1 adalah bagi syarikat-syarikat tempatan dengan tidak lebih daripada 50 pekerja sepenuh masa dan jualan tahunan tidak lebih daripada RM10 juta, Kategori 11 - 51 hingga 150 pekerja sepenuh masa dan jualan tahunan di antara RM10 juta dan RM25 juta dan Kategori 111 - lebih daripada 150 pekerja sepenuh masa dan jualan tahunan lebih daripada RM25 juta. --

BERNAMA

SHO LPS OS